

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmmetro.com.my
Alor Setar

BERAS ST15

Didakwa terima 'toci' RM73,000

■ Bekas pegawai kanan BERNAS berdepan 6 tuduhan rasuah dapatkan kuota beras subsidi

Bekas pegawai kanan PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, berhubung enam pertuduhan menerima rasuah RM73,000 sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 230 tan metrik pada 2013 dan 2014.

Tertuduh, Hassin Mad Zain, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zanol Rashid Hussain.

Mengikut kertas pertuduhan, Hassin dituduh menerima rasuah bernilai RM9,000 melalui akaun peribadinya daripada pemilik perniagaan WH Awana Enterprise, Wan Helmy Wan Darus di Bank Islam Cawangan Alor Setar jam 1.38 petang, 6 Ogos 2014 sebagai dorongan mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 30 tan metrik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bagi lima lagi pertuduhan dibaca serentak, tertuduh didakwa menerima rasuah daripada Pemilik Syarikat Berkat Zairul Enterprise, Rusli Abdullah dari September 2013 hingga Januari 2014 sebagai dorongan mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 200 tan metrik.

Tertuduh didakwa menerima suapan itu menerusi akaun peribadi di Bank Islam Cawangan Guar Chempedak, Gurun pada 11 September 2013 dan 10 Oktober 2013 dengan nilai suapan masing-masing RM12,800.

Bagi tiga lagi pertuduhan, dia menerima nilai suapan RM38,400 yang dimasukkan melalui akaun peribadinya di Bank Islam Cawangan Alor Setar pada 8 November 2013, 5 Disember 2013 dan 7 Januari 2014.

Zanol Rashid membenarkan tertuduh diikat jamin RM22,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 26 April ini untuk semula kes.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya A Hafiizh Abu Bakar daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia manakala tertuduh diwakili peguam bela Mohamad Sofee Razak.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan.

Pada 9 Mac lalu, dua kontraktor dihadapkan ke Mahka-

mah Sesyen Alor Setar, berhubung tiga pertuduhan menerima rasuah RM135,000 sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 300 tan metrik, dua tahun lalu.

Tertuduh, Nor Azamuddin Ahmad, 47, dan Farid Idris Khan, 36, meminta dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Isu ketirisan beras ST15 didedahkan akhbar ini sejak 23 Oktober 2014 sehingga kementerian mengumumkan di Dewan Rakyat, lesen 600 pemborong beras dibatalkan dan mereka dikehendaki menjalani proses temu duga sebelum yang layak diberikan kuota semula.

Laporan bersiri secara eksklusif itu mendedahkan ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang terhadap empat sampel beras 10 kilogram mendapati semuanya mempunyai peratusan

hancur berkali ganda jauh lebih tinggi berbanding dicatat pada label.

Seorang bekas pegawai kanan BERNAS yang 17 tahun berkhidmat dengan agensi itu turut mengesahkan wujud amalan rasuah dalam pengagihan kuota beras ST15 dan sogokan itu dinamakan bayaran 'toci.'

Selain mengumumkan lesen 600 pemborong itu dibatalkan, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga mahu pemborong beras menjalani proses temu duga semula sebelum yang benar-benar layak memperolehnya semula.

Namun, pada 30 Oktober 2015, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Ahmad Shabery Cheek yang menggantikan Ismail Sabri mengumumkan subsidi beras ST15 dirasionalisasikan bermula 1 Januari 2016 dan tidak diteruskan pada tahun seterusnya.

Keputusan itu selaras dengan usaha kerajaan bagi merasionalisasikan subsidi termasuk subsidi beras ST15 peratus hancur untuk pasaran Semenanjung dan Beras Import S15 peratus hancur untuk pasaran Sabah dan Sarawak.

FAKTA

Tertuduh mengaku tidak bersalah dan diikat jamin RM22,500

HASSIN hadir di Mahkamah Sesyen Alor Setar berdepan tuduhan rasuah.



LAPORAN Harian Metro 20 April 2015.



LAPORAN Harian Metro 23 Oktober 2015.